

08/06/2002

IPTS perlu bijak dalam pengurusan

PRESIDEN Persatuan Kolej Swasta Malaysia (Mapco), Tengku Shamsul Bahrin berkata, isu peluang pendidikan untuk pelajar Bumiputera tidak boleh disamakan dengan kelangsungan kolej swasta milik Bumiputera.

Beliau berkata, masyarakat perlu membezakan antara persoalan membantu pelajar Bumiputera dengan membantu usahawan Bumiputera dalam membincangkan isu peluang pendidikan tinggi untuk kaum berkenaan dan kedua-dua masalah itu perlu diselesaikan dengan kaedah berbeza.

Katanya, kelangsungan badan perniagaan seperti institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bergantung kepada pengurusan yang baik, program pengajian yang relevan, penyediaan kemudahan fizikal yang sewajarnya dan kualiti tenaga pengajar yang tinggi.

"Semua faktor ini saling berkaitan untuk memberi reputasi kepada mana-mana IPTS tidak kira sama ada ia milik Bumiputera atau tidak.

"Faktor ini bukan saja akan menarik kemasukan pelajar tetapi juga mengekalkan pensyarah yang terbaik di kolej berkenaan.

"Jika mana-mana IPTS tidak memenuhi salah satu aspek itu, seperti tidak mampu membayar gaji pensyarah tepat pada masanya, mereka akan mempunyai masalah mengekalkan jumlah tenaga pengajar dan ini akhirnya memberi imej negatif kepada bakal pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar ini baru-baru ini bahawa sebahagian daripada kira-kira 120 IPTS milik Bumiputera mungkin terpaksa ditutup kerana tidak dapat menampung kos operasinya.

Masalah itu dikatakan berpunca daripada jumlah pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebanyak RM5,000 setahun tidak dapat menampung yuran pengajian kira-kira RM9,000 setahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula berkata, kerajaan tidak boleh menaikkan kadar pinjaman pendidikan kerana dana itu perlu diagihkan kepada sejumlah besar pelajar.

Tengku Shamsul yang juga Presiden Nilai College berkata, beberapa IPTS yang dimiliki bukan Bumiputera juga mengalami masalah menampung kos operasi kerana jumlah pelajar untuk program tertentu tidak mempunyai bilangan pelajar minimum.

Dalam Mapco, katanya, ahlinya atau setiap kolej swasta berkongsi masalah yang dihadapi kolej lain dan akan membantu menyelesaikan masalah IPTS terbabit.

"Kita tidak sepatutnya memberi alasan bahawa kolej swasta milik bukan Bumiputera maju kerana dimiliki dan disokong oleh syarikat besar yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh.

"Banyak IPTS milik bukan Bumiputera dan kolej swasta yang dimiliki oleh Bumiputera sepenuhnya juga mempunyai jumlah pelajar yang ramai dan maju.

"Contohnya Kolej PTPL (Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan) yang dimiliki beberapa individu Bumiputera dapat menarik kemasukan pelajar yang ramai termasuk dari kalangan bukan Bumiputera," katanya yang juga bekas profesor di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Tengku Shamsul berkata, perancangan korporat yang kurang cekap juga boleh menyebabkan IPTS tidak dapat menampung kos operasinya.

(END)